

**Asean - Blok Daya Saing Mampu Diri**  
**Bernama**  
**14 Mei, 2012**  
**Oleh Christine Lim**

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Editor Oxford Business Group menyatakan para pelabur kini melihat Asean sebagai blok daya saing mampu diri yang membolehkan pewujudan rangkaian bekalan serantau.

Paulius Kuncinas, Editor Serantau Asia berkata daripada negara-negara ahli bersaing sesama sendiri, lebih banyak peluang boleh diperolehi dengan menerima perkumpulan sebagai komuniti besar untuk memanfaatkan terhadap pengkhususan dan mewujudkan skala ekonomi.

"Para pelabur melihat Asean secara keseluruhan dan bukannya secara individu," kata beliau kepada Bernama.

"Meskipun hala tuju Komuniti Ekonomi Asean (AEC) telah menggariskan pelan tindakan untuk pasaran tunggal menjelang 2015, masih lagi terdapat mereka yang ragu-ragu dengan pelaksanaannya," kata beliau.

Kuncinas berkata para pelabur masih tidak jelas sama ada halangan akan dihapuskan kerana masih terdapat kecenderungan untuk melindungi dalam lingkungan negara-negara Asean.

"Kita lihat Asean mempunyai potensi untuk menjadi Kesatuan Eropah pada waktu terbaiknya sebelum ia runtuh ekoran kegagalan dalam model sosialnya," kata beliau.

Kuncinas tidak menyokong matawang tunggal seperti Kesatuan Eropah.

"Setiap negara seharusnya mengekalkan dasar moneterinya sendiri untuk bertindak ke atas keadaan masing-masing," kata beliau.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666035>